

Authors: Nik Jasni Che Jaafar

News: Utusan Borneo

Date: 17 May 2010

Language: Malay

Subject: Economy

Page: A7

Pembangunan akuakultur penting untuk ekonomi

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Bidang akuakultur bukan sahaja mempunyai nilai pasaran yang tinggi, malah mampu mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan memiliki kepentingan yang jelas terhadap ekonomi di negeri ini, kata Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Rosnah Ismail.

Beliau berkata, hal demikian menjadikan penganjuran Kursus Latihan Akuakultur anjuran Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) yang bermula hari ini adalah sesuatu yang signifikan dalam mempertingkatkan potensi akuakultur untuk dimanfaatkan oleh pihak yang berkepentingan.

"Program ini sangat penting bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan mengumpul maklumat saintifik untuk jalinan kerjasama yang menguntungkan pada



TANDA KENANGAN... Rosnah (kanan) menerima cenderamata daripada wakil Kolej Komuniti, Mat Mislah sambil diperhatikan Pengarah IPMB, Prof Dr Saleem Mustafa (tengah).

masa depan.

"Kerjasama ini juga berguna untuk sektor pengeluaran makanan akuatik bermutu tinggi yang sentiasa mempunyai pasaran terutamanya di Sabah," katanya.

Beliau berkata penganjuran ini juga selaras dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi

agar menggalakkan penggunaan sains dan teknologi dalam bidang penghasilan makanan berasaskan ikan serta berkaitan isu keselamatan makanan laut.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan itu di Institut Penyelidikan Marin Borneo, di sini, kelmarin.

Kursus berkenaan bermula

hari ini hingga 21 Mei nanti disertai 30 kakitangan Bahagian Pendidikan Kolej Komuniti, meliputi beberapa bahagian teori dan praktikal.

"Kursus seminggu ini melibatkan kurikulum seperti pemasangan tempat penetasan, pengurusan baka, pembiakbakaan, pengumpulan telur, kesuburan dan inkubasi, 'larval rearing', pemakanan, pengurusan kesihatan, pengurusan kualiti air serta pengurusan jualan dan pentadbiran," jelasnya.

Beliau yakin kursus ini dapat mengukuhkan persaingan di kalangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan menyokong penghasilan makanan berasaskan sumber laut.

"Kursus ini juga dapat menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.

"Melalui latihan teknikal, penternak akan dapat mempertingkatkan keupayaan mereka untuk menuai hasil dalam